



# KOPI PAHIT

‘Selamat Hari Raya Korban’ – ialah ucapan pertama yang kita sampaikan kepada sekalian para pembaca di ruangan ‘Kopi Pahit’ keluaran Hari Raya Haji ini – dan dalam ucapan yang kedua ialah “Selamat Menyambut Awal Muharam 1389” kita rafakkan. Semoga di sepanjang tahun baru ini kita berada di dalam keadaan bahagia, aman makmur dan sentosa, hidup di dalam iman untuk memperjuangkan kesucian agama Allah – itulah doa Cemeti al-Farouk – mudah-mudahan dimakbulkan Tuhan!

\* \* \*

Orang-orang Melayu berdukacita kerana kehilangan dua orang pakar dan patriot mudanya Dr. Ungku Omar dan Dr. Zainal Abidin. Kehilangan kedua-dua tokoh kebangsaan yang berjiwa besar ini diratapi oleh semua golongan rakyat jelata. Mereka merasakan dengan hilangnya kedua-duanya itu adalah merupakan suatu kerugian besar kepada bangsa dan tanah air. Benar kita rugi, tetapi yang tinggal wajib sedar bahawa orang-orang yang kita harap semakin berkurang dan apabila mereka berkurang sinaran cahaya yang menyuluh kita semakin gelap dan akhirnya kita pupus. Ingatlah wahai yang tinggal, ini amaran Allah yang mesti diperhati dan difikirkan!

Komando Arab, yang berselisih faham dan bertentangan antara satu sama lain sekarang telah bersatu tentu matlamat musuhnya yang besar ialah satu iaitu Yahudi. Janji orang-orang Arab Palestin dan sumpahan mereka tidak akan diam selagi bumi mereka dikuasai oleh kerajaan Israel! Mengapa begitu sekali? – Tentulah, kerana mereka dahulu, harta benda mereka dirampas dan tidak diganti! Begitulah orang yang berjiwa besar – bukan besar hartanya, pada orang dengan dipaksakan kemudiannya diam! Loh ke situ perginya!

\* \* \*

Aminah Ahmad Dahbur seorang pejuang wanita muda Arab bersama-sama tertangkap dalam usaha menyerang kapal terbang Israel Zurich baharu-baharu ini. Menurut berita, Aminah dari kecil lagi jiwanya memang ditanam dengan perasaan bencikan Yahudi. Memang benar berita itu, sebab orang Arab Palestin, di mana pun mereka berada, tidak putus-putusnya mereka melaknat Yahudi!

\* \* \*

Langkah-langkah komando Arab mengadakan pasukan gerila untuk membebaskan negerinya daripada dijadikan negeri Yahudi, dipandang oleh orang-orang Barat sebagai satu keganasan, pada hal gerila-gerila itu berjuang dengan

tujuan suci, semata-mata untuk membebaskan bumi mereka dari penjajahan. Apakah ini kesatria atau kejahatan?

\* \* \*

Langkah-langkah perjuangan yang dilancarkan oleh komando Arab itu, tidak ubahnya kita mendengar bahawa di hadapan mereka telah timbul tugas jihad yang diperintahkan Tuhan. Kalau mereka dapat membinasakan musuh-musuhnya, mereka mendapat sanjungan dan kebahagiaan di dunia, tetapi kalau mereka gugur di medan pertempuran mereka menjadi shuhada – syurga menunggu – apakah mereka takut kepada mati? Itulah jiwa jihad dan kita adakah sebagai penonton sahaja? Tanya....

## Cemeti al-Farouk

### IBU DAN AYAH

Kesah pendidekan dan tata tertib ... \$1.50

### IBNU SINA

Siri kesah tokoh2 sejarah VII yang menarek ... .. 0.70

### KHAULAH dengan

### SUAMI-NYA

Siri kesah sejarah VIII ... .. 0.40

### DI-PENCHILKAN

Siri kesah tokoh2 sejarah IX ... 0.50

Pesan tambah belanja pos 10 sen

QALAM – 8247, Jln. 225

Petaling Jaya - Selangor